


SULIT



JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA SEKOLAH MENENGAH

PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK (2)
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

3757/2

EKONOMI ASAS

Kertas 2
Sept./Okt.
2 jam

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab tiga soalan daripada Bahagian A dan satu soalan di Bahagian B.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang dalam buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.*
4. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan dalam Bahagian A dan 40 minit untuk menjawab soalan dalam Bahagian B.*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*
8. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

3757/2 © 2010 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Selangor

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Bahagian A

[75 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

- 1 (a) Maklumat berikut berkaitan perbelanjaan kerajaan negara M.

<ul style="list-style-type: none"> • Peruntukan perbelanjaan pembangunan • Pembangunan yang hendak dijalankan: <ul style="list-style-type: none"> i. Pembinaan jalan raya ii. Pembinaan hospital baru 	<p>RM200 juta</p> <p>RM100 juta</p> <p>RM150 juta</p>
--	---


- (i) Apakah masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara tersebut? [1 markah]
- (ii) Bagaimanakah masalah tersebut diselesaikan? [4 markah]

- (b) Berikut ialah maklumat mengenai firma ABC di negara Y.

Firma ABC mengeluarkan minyak masak sebanyak 10 000 botol sebulan. Harga jualan sebotol ditetapkan melalui kuasa pasaran tetapi dikawal oleh kerajaan.

- (i) Apakah sistem ekonomi negara Y? [1 markah]
- (ii) Nyatakan masalah asas ekonomi yang belum diselesaikan oleh firma tersebut. [2 markah]
- (iii) Terangkan masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan oleh negara tersebut. [4 markah]

- (c) Gambar 1 dan 2 adalah dua contoh barang dalam ekonomi.



Gambar 1

Gambar 2

- (i) Kenal pasti jenis barang dalam gambar 1 dan gambar 2. [2 markah]
- (ii) Bezakan dua ciri kedua-dua barangan tersebut. [4 markah]

- (d) Terangkan empat ciri wang yang baik. [7 markah]

- 2 (a) Maklumat berikut ialah berkaitan iklan satu jenis pekerjaan.

Jawatan	: Kerani Am
Kelayakan	: SPM
Gaji	: RM1,000 sebulan
Kemudahan	: Rawatan perubatan percuma, elaun lebih masa
Sesiapa yang berminat, sila hubungi Encik Ar-Razi.	
No.Tel : 03-31672442	

Cik Najwa ingin memohon pekerjaan dalam iklan di atas.

Terangkan tiga sebab beliau memilih pekerjaan tersebut.

[6 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan pendapatan dan perbelanjaan Encik Zakimi.

“Encik Zakimi merupakan seorang penolong pengurus di Syarikat Budiman Sdn. Bhd. Isteri beliau seorang suri rumah sepenuh masa. Beliau mempunyai lima orang anak yang masih bersekolah. Setiap bulan, Encik Zakimi menerima gaji sebanyak RM3 000 dan hasil sewa ladang kokonya RM500 di Kampung Mahligai. Beliau juga membuat beberapa pembayaran tahunan seperti 11% potongan gaji kepada KWSP, perbelanjaan rawatan ibunya sebanyak RM1 200 dan bayaran zakat sebanyak RM50.”

Pengiraan cukai adalah berdasarkan maklumat berikut:

Pelepasan Cukai		Kadar Cukai Ke Atas Pendapatan Boleh Cukai
Diri	RM8 000	RM2 500 pertama 0%
Isteri	RM5 000	RM2 500 berikut 1%
Anak (seorang)	RM1 000	RM5 000 pertama 3%
KWSP dan Insurans nyawa maksimum	RM5 000	RM10 000 berikut 5%
Perubatan ibu bapa maksimum	RM5 000	RM15 000 berikut 7%

Hitungkan:

- (i) Cukai pendapatan Encik Zakimi.

[5 markah]

- (ii) Pendapatan boleh guna Encik Zakimi.

[2 markah]

- (c) Terangkan dua perkhidmatan bank perdagangan sebagai agen membuat dan menerima bayaran bagi pihak pelanggan. [4 markah]
- (d) Gambar di bawah ialah perbualan antara pembeli dan peniaga di pasar.



Bank pusat dan kerajaan mengambil tindakan untuk mengawal keadaan ekonomi tersebut.

Terangkan:

- (i) Dua tindakan oleh bank pusat. [4 markah]
- (ii) Dua tindakan melalui dasar belanjawan negara oleh kerajaan. [4 markah]

- 3 (a) (i) Apakah maksud belanjawan peribadi? [1 markah]
- (ii) Terangkan tiga kepentingan menyediakan belanjawan peribadi. [6 markah]
- (b) Terangkan tiga bentuk pelaburan. [6 markah]
- (c) Jadual berikut berkaitan kos pengeluaran.

Jumlah Keluaran (Unit)	Jumlah Kos (RM)	Kos Sut (RM)	Kos Purata (RM)
0	20	-	-
1	38	18	38
2	48	10	24
3	63	Y	21
4	88	25	22
5	X	27	23
6	146	31	24.3
7	182	36	Z
8	240	58	30

Jadual 1

- (i) Berapakah nilai X, Y dan Z? [3 markah]
- (ii) Jelaskan hubungan antara jumlah keluaran dengan kos sut dan kos purata. [5 markah]
- (d) Nyatakan empat fungsi institusi kewangan bukan bank di Malaysia. [4 markah]

- 4 (a) Jadual 2 menunjukkan penawaran pisang oleh Firma A dan Firma B.

Harga (RM)	Kuantiti Penawaran Pisang (kg)	
	Firma A	Firma B
7	10	12
6	8	10
5	6	8

Jadual 2

- (i) Kirakan kuantiti penawaran pasaran pisang pada setiap tingkat harga tersebut. [3 markah]
- (ii) Dengan menggunakan kertas graf di halaman 11, lukiskan pembentukan keluk penawaran pasaran bagi pisang.
(Skala 1 cm : 5 unit pada paksi kuantiti dan skala 1 cm : 2 unit pada paksi harga) [4 markah]
- (iii) Jelaskan pembentukan keluk penawaran di 4 (a) (ii). [5 markah]
- (b) Terangkan tiga sebab Malaysia mengadakan hubungan dagangan dengan negara-negara asing. [6 markah]
- (c) Jelaskan komposisi eksport Malaysia. [7 markah]

- 5 (a) Jelaskan kesan situasi berikut ke atas pasaran kereta persendirian tempatan.
- (i) Harga petrol dinaikkan sebanyak 5 sen bagi setiap liter. [2 markah]
- (ii) Syarikat kewangan memanjangkan tempoh bayaran balik sewa beli. [2 markah]
- (iii) Peningkatan dalam teknologi pembuatan kereta. [2 markah]
- (b) Jadual 3 ialah maklumat perdagangan antarabangsa bagi sesebuah negara pada tahun 2009.

Butiran	RM (juta)
Eksport Sawit	500
Eksport Kayu Balak	600
Import Jentera	300
Import Kereta	400
Pindahan Bersih	-70
Tambang dan Insurans	-590
Pengangkutan	-40
Perjalanan	70
Pelancongan	-110

Jadual 3

Hitungkan:

- (i) Imbangan dagangan [3 markah]
- (ii) Imbangan perkhidmatan [3 markah]
- (iii) Imbangan akaun semasa [3 markah]
- (c) (i) Berikan maksud pertukaran asing. [1 markah]
- (ii) Terangkan dua kepentingan pertukaran asing kepada sesebuah negara. [4 markah]

- (d) Jadual 4 menunjukkan perubahan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dolar Amerika (USD).

Mata Wang Asing (seunit)	Ringgit Malaysia (RM)	
	Januari 2008	Januari 2009
USD1	RM3.70	RM3.55

Jadual 4

Sebuah firma di Malaysia membuat pinjaman daripada Amerika sebanyak USD50 000.

- (i) Hitungkan jumlah pembayaran balik pinjaman pada tahun 2008 dan 2009 dalam Ringgit Malaysia. [3 markah]
- (ii) Jelaskan kesan perubahan kadar pertukaran asing terhadap pembayaran balik pinjaman firma tersebut. [2 markah]

Bahagian B**[25 markah]***Soalan ini wajib dijawab.*

- 6 Syarikat Usaha Maju Berhad merupakan pengeluar jam tangan jenama 'Sport', telah mendapat bantuan modal sebanyak RM100 000 daripada kerajaan untuk mengembangkan perusahaannya. Pengurus syarikat akan membelanjakan bantuan ini untuk membeli sebuah bangunan kedai di Liga Mas bernilai RM80 000 dan sebuah lori berharga RM60 000.

Bagi menambah modal, syarikat mendapat tawaran pinjaman daripada dua bank iaitu Bank ABC Berhad dan Bank XYZ Berhad. Berikut ialah syarat pinjaman yang ditawarkan oleh bank tersebut;

Bank ABC Berhad		Bank XYZ Berhad	
Jumlah pinjaman	RM60 000	Jumlah pinjaman	RM50 000
Kadar faedah setahun	5.5%	Kadar faedah setahun	6.0%
Tempoh bayar balik	10 tahun	Tempoh bayar balik	15 tahun
Cagaran	Diperlukan	Cagaran	Tidak diperlukan
Tempoh kelulusan	2 minggu	Tempoh kelulusan	1 minggu

Jam tangan Sport dijual di pasaran pada harga RM35.00 seunit. Hasil kajian syarikat, mendapati bahawa keanjalan harga permintaan jam Sport ialah 1.5. Oleh itu syarikat bertindak menaikkan harga kepada RM40.00 seunit untuk meningkatkan keuntungan dan yakin tindakan ini akan berjaya.

Sebagai negara yang melakukan perdagangan antarabangsa, jam tangan Sport mendapat saingan hebat dari jam import. Persaingan ini telah menjejaskan prestasi syarikat. Oleh itu pihak pengurusan mendesak kerajaan menyekat kemasukan jam import bagi menjamin perusahaan tempatan berkembang maju walaupun kemasukan barang import meluaskan pilihan pengguna.

Berdasarkan situasi tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Hitungkan jumlah kekurangan modal yang dihadapi oleh syarikat tersebut. [2 markah]
- (b) (i) Pada pendapat anda manakah tawaran pinjaman bank yang lebih menarik? [1 markah]
(ii) Berikan alasan anda. [3 markah]
- (c) (i) Adakah tindakan syarikat menaikkan harga merupakan keputusan yang tepat? [1 markah]
(ii) Berikan alasan anda. [3 markah]

- (d) Terangkan empat tindakan yang sesuai dilakukan oleh kerajaan untuk menyekat kemasukan jam import bagi menjamin perkembangan perusahaan tersebut. [8 markah]
- (e) Jelaskan kesan kepada pihak berikut sekiranya kerajaan melaksanakan tindakan seperti di 6 (d):
- (i) Pengguna [2 markah]
 - (ii) Pengeluar [2 markah]
 - (iii) Kerajaan [3 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

Kertas graf untuk Soalan 4 (a)(ii)

